

Soalan 25

Baca dialog di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

- Abang Wan: Wah, ladang kelapa sawit Pak Cik Sukor ini sangat *luas*! Pak Cik Sukor mengusahakan ladang kelapa sawit ini sejak bila?
- Pak Cik Sukor: Pak cik mengusahakan ladang kelapa sawit ini sejak sembilan tahun yang lalu.
- Abang Wan: Eh, ada lembu di ladang kelapa sawit Pak Cik Sukor ini!
- Pak Cik Sukor: Ya, Wan. Pak cik mengusahakan ternakan lembu pedaging di ladang kelapa sawit ini. Kaedah ini dikenali sebagai Projek Integrasi Ternakan Ruminan dengan Tanaman Kekal (PINTAR).
- Abang Wan: Oh, saya tahu! PINTAR merupakan suatu sistem menternak lembu pedaging yang dilakukan dalam ladang kelapa sawit secara saintifik.
- Pak Cik Sukor: Betul itu. PINTAR dapat menjimatkan wang kerana pak cik tidak perlu mengeluarkan kos untuk merumput di ladang kelapa sawit ini. Rumput di ladang kelapa sawit ini menjadi sumber makanan kepada lembu-lembu pedaging yang pak cik ternak.
- Abang Wan: Ya, PINTAR memang banyak kebaikannya.

(a) Perkataan *luas* dalam petikan dapat digantikan dengan perkataan _____.
[1 markah]

(b) Apakah Projek Integrasi Ternakan Ruminan dengan Tanaman Kekal (PINTAR)?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan PINTAR selain dapat menjimatkan kos?

[3 markah]